

07/05/1998

Abu Zahar alu-alu pemilihan Ghafar

MELAKA, Rabu - Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, mengalu-alukan usaha kerajaan menggunakan khidmat bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba, untuk menerangkan kedudukan sebenar kegawatan ekonomi.

Katanya, pemilihan Ghafar adalah tepat kerana beliau adalah bekas pemimpin veteran kerajaan dan Umno, yang berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran.

Menurutnya, sejak kebelakangan ini, jarang sekali bekas pemimpin kerajaan mahupun Umno, turut membantu memberikan penerangan kepada orang ramai berhubung krisis ekonomi ini.

"Pelantikan Ghafar oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk memberi penerangan kepada menteri besar dan ketua menteri, termasuk penduduk kampung memang kena pada masanya," katanya di sini, hari ini.

Sebelum ini, dalam mesyuarat perwakilan bahagian Jasin pada 1995, Abu Zahar pernah menewaskan Ghafar dengan enam undi untuk merebut jawatan Ketua Umno bahagian itu.

Ghafar, yang juga Ahli Parlimen Jasin dan bekas Timbalan Presiden Umno, mendapat 121 undi, manakala Abu Zahar mendapat 127 undi.

Bagaimanapun, menantu Ghafar, Datuk Ahmad Hamzah, menang dalam pertandingan merebut jawatan timbalan ketua bahagian apabila mendapat 138 undi dan mengalahkan wakil rakyat Rim, Dollah Atan yang hanya mendapat 69 undi.

(END)